

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kerja Raya sememangnya amat prihatin dan sentiasa mengambil maklum mengenai aspek kualiti penyenggaraan jalan Persekutuan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi terlibat termasuklah jalan-jalan utama yang menghubungkan negeri Sabah.

Bagi isu penyelenggaraan jalanraya Utara Tawau hingga Merotai dan Kalabakan untuk menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat dari **KALABAKAN** berdasarkan semakan Kementerian ini, didapati jalan-jalan yang terlibat berstatus jalan Negeri di mana penyenggaraan jalan terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, iaitu menggunakan peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan Negeri pada setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**

SOALAN : 29

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan]
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa Syarikat penerbangan MAS dan Air Asia menaikkan harga tambang penerbangan sesuka hati mereka ketika musim perayaan (*festive seasons*); dan
- (b) jika sedar mengapakah Kementerian tidak mengawal kenaikan tiket-tiket penumpang tersebut.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan tambang domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang dan caj-caj berkaitan penerbangannya dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission - MAVCOM*) pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah perlindungan pengguna (*consumer protection*) dimana MAVCOM bertanggungjawab untuk mengendalikan aduan dan tuntutan pengguna berhubung penerbangan awam, menyediakan dan menguatkuasakan kod etika pengguna berdasarkan tahap perkhidmatan minimum (*minimum service level*) dan meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kod etika tersebut.

Namun demikian, MAVCOM tidak menetapkan sebarang peraturan berhubung penetapan harga tambang penerbangan dan membenarkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menetapkan harga tambang berdasarkan keputusan komersial mereka masing-masing. MAVCOM mempunyai kuasa untuk mengawalselia perkara yang berkaitan dengan persaingan di kalangan syarikat penerbangan.